



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA RISDA 2004

OLEH:

Y.B DATO' SRI ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEMPAT:

AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH

TARIKH & MASA:

6 DISEMBER 2004

MASA:

8.30 PAGI

1. SALUTATION:

- YANG BERUSAHA PENGERUSI MAJLIS

- Y.B DATO' DR AWENG ADEK HUSSIN
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH

- Y.B DATO' DR TIKI LAFE
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH

- Y.BHG DATO' DR MOHD TAP SALLEH
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH

- **Y.B SENATOR DATO' HJ ABDUL RAMAN SULIMAN**
PENGURUSI RISDA
- **AHLI-AHLI PIHAK BERKUASA RISDA**
- **Y.BHG DATO' HJ ABD. RAHMAN HJ ALI**
KETUA PENGARAH RISDA
- **Y.BHG DATO' ZAINAL KARIB ABD RAHIM**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SOSIAL) KEMENTERIAN
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
- **Y.BHG CIK KAMARIAH RAMLI**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (EKONOMI) KEMENTERIAN
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- **KETUA-KETUA AGENSI D BAWAH KEMENTERIAN
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**
- **Y.BHG TN HJ MAHDUN MAJED**
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (PENTAD. & KORPORAT)
- **Y.BHG TN HJ ZULKIFLI MOHD NAZIM**
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA (OPERASI)
- **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH**
- **PENGARAH – PENGARAH BAHAGIAN RISDA**
- **PENGARAH-PENGARAH NEGERI RISDA**

- **PENGURUS-PENGURUS BESAR ANAK SYARIKAT RISDA**

- **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

2). ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH IZINNYA DAPAT KITA BERTEMU PADA PAGI YANG BERBAHAGIA INI UNTUK SAMA-SAMA MERAIKAN **MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004** DI DEWAN YANG TERSERGAM INDAH INI.

- 3). BERSEMPENA DENGAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 PADA PAGI INI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK **MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFIRI, MAAF ZAHIR DAN BATIN** KEPADA DATO'-DATO' DAN DATIN-DATIN, SELURUH WARGA RISDA SERTA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG AMAT SAYA HORMATI SEKALIAN.

- 4). SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK MENGUCAPKAN **RIBUAN TERIMA KASIH** KEPADA PIHAK PENGURUSAN RISDA SERTA SELURUH WARGA

KERJANYA KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA KE MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004 YANG AMAT CERIA PADA PAGI INI SETERUSNYA BERUCAP DIHADAPAN SIDANG HADIRIN SEKALIAN.

- 5). DIKESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN **SYABAS** KEPADA PIHAK PENGANJUR IAITU RISDA KERANA TELAH MERANCANG DAN SETERUSNYA MELAKSANAKAN PROGRAM INI DENGAN BAIK SEKALI. INI KERANA RISDA TELAH MEMBUKA PINTU RUMAH SELUASNYA BAGI

MENGADAKAN MAJLIS YANG MERAYAKAN HARI
KEMENANGAN UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA.

- 6). MELALUI PROGRAM SEBEGINI, KITA BUKAN SAHAJA
DAPAT BERSUA MESRA DI BULAN YANG MULIA INI
MALAH KITA JUGA DAPAT BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT
SERTA PANDANGAN SELAIN DAPAT MENGIKATKAN LAGI
TALI SILATURRAHIM YANG TELAH TERBINA.

***DATO' SRI & DATIN SRI, DATO'-DATO' & DATIN-DATIN,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.***

- 7). KITA HARUS MENADAH TANGAN MENANDA KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH SWT KERANA RAHMAT YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KITA DENGAN KEKUATAN UNTUK MELAWAN SEGALA DUGAAN DAN RINTANGAN SEMASA KITA MENGHADAPI BULAN RAMADAN AL-MUBARAK.

- 8). SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KITA SEBAGAI UMAT ISLAM HARUS MERAIKAN HARI KEMENANGAN KITA

MENGHARUNGI HAWA NAFSU DI BULAN RAMADAN IAITU HARI RAYA AIDILFITRI DENGAN SEMERIAH-MERIAHNYA NAMUN IANYA HARUSLAH BERDASARKAN KEPADA TAHAP KEMAMPUAN KITA.

- 9). DI DALAM KITA BERGEMBIRA DI HARI RAYA INI, SAYA INGIN MENINGATKAN KEPADA SELURUH KAKITANGAN AWAM KHUSUSNYA WARGA RISDA DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH SUPAYA DALAM KEMERIAHAN KITA MENYAMBUT HARI RAYA **USAHLAH KITA LEKA** DENGAN

TANGGUNGJAWAB SERTA JANGANLAH LUPA AKAN KUMPULAN SASAR KITA.

- 10). OLEH YANG DEMIKIAN, SEBAGAI KAKITANGAN AWAM KHUSUSNYA WARGA DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH YANG SENTIASA BERKHIDMAT UNTUK MEMBANGUNKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR, SAYA MENYARANKAN AGAR SEMUA PIHAK HARUS **TINGKATKAN PRESTASI** SERTA BEKERJA DENGAN LEBIH **TULUS DAN ILTIZAM** SUPAYA KEBAJIKAN MEREKA TIDAK TERABAI.

- 11). DI MUSIM PERAYAAN INI JUGA SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA WARGA KERJA RISDA DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH SUPAYA SENTIASA **BERJIMAT-CERMAT** KETIKA BERBELANJA. SIFAT JIMAT-CERMAT INI HARUSLAH DISEMAI DI DALAM DIRI SETIAP INDIVIDU SELAIN MENANAMKAN SIFAT INGAT-MENGINGATI SESAMA KITA.

- 12). TAMBAHAN PULA, HARI RAYA AIDILFITRI PADA TAHUN INI MENJELANG KETIKA DI PENGHUJUNG TAHUN.

PELBAGAI KEPERLUAN ASAS PERLU DI PENUHI. SELAIN ITU JUGA, **ANAK-ANAK KITA AKAN KEMBALI KE SEKOLAH** PADA AWAL TAHUN DEPAN. SAYA PERCAYA KITA SEBAGAI GOLONGAN IBU-BAPA PERLU MENYIAPKAN SEGALA KELENGKAPAN ANAK-ANAK KITA UNTUK MEREKA MENIMBA ILMU DENGAN SEMPURNA.

- 13). SAYA DENGAN SEGALA SUKACITANYA INGIN MENINGATKAN KEPADA SELURUH MASYARAKAT DI MALAYSIA AGAR **PENTINGKAN PENDIDIKAN DAN JUGA ILMU PENGETAHUAN**. INI KERANA PENDIDIKAN ADALAH

PENYULUH KEPADA HALA TUJU KITA DI MASA MENDATANG. MELALUI PENDIDIKAN, NEGARA KITA JUGA DAPAT MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN KERANA KELAK NEGARA KITA AKAN MELAHIRKAN RAMAI CENDEKIAWAN SERTA GOLONGAN PROFESIONAL YANG DAPAT MENJANA EKONOMI NEGARA.

- 14). KITA SEBAGAI SEBUAH AGENSI PELAKSANA TERHADAP PEMBANGUNAN MASYARAKAT LUAR BANDAR JUGA HARUS MEMAINKAN PERANAN DENGAN MEMBERI PENDEDAHAN SERTA MENYALURKAN MAKLUMAT

DENGAN EFISIEN DAN EFEKTIF TERHADAP KUMPULAN SASAR TENTANG PENTINGNYA PENDIDIKAN. INI KERANA ILMU YANG DIPEROLEHI OLEH GENERASI MUDA MASYARAKAT LUAR BANDAR TIDAK LAGI AKAN MENYEBABKAN MEREKA MEWARISI KEMISKINAN YANG DIHADAPI OLEH IBU-BAPA MEREKA.

- 15). JUSTERU ITU, SAYA SEKALI LAGI MENYERU KEPADA SELURUH WARGA RISDA SERTA AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH AGAR DI DALAM KITA MENYAMBUT KEGEMBIRAAN

SEBULAN BERHARI RAYA KITA JUGA TIDAK HARUS LUPA
AKAN TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP KUMPULAN
SASAR. UNTUK ITU, SAYA SUDAH UCAPAN SAYA DENGAN
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA 2004
DENGAN **WABILLAH** **TAUFIK** **WAL-HIDAYAH**
WASALLAMUALAIKUM W.B.T.